

Terkenang Bah Merah

B. Harian n/1 4 21.1.07

Hujan tanpa henti selama 10 hari mengakibatkan banjir besar di Kelantan

Oleh Mona Ahmad dan Nasron Sira Rahim

GELOMBANG banjir besar yang melanda Johor ketika ini memang tidak terduga kerana bencana itu sering dikaitkan dengan negeri Pantai Timur terutama ketika musim tengkujuh. Namun, penderitaan dan kesukaran dialami orang Johor membuatkan penduduk Kelantan terkenang kembali pahit getir menghadapi banjir besar yang pernah melanda negeri itu beberapa kali sebelum ini.

Hujan tanpa henti selama 10 hari pada 1926/1927, mengakibatkan banjir besar atau lebih dikenali sebagai Bah Merah di kalangan penduduk Kelantan kerana turut meragut nyawa, memusnahkan tanaman dan rumah penduduk.

Kira-kira 40 tahun kemudian di penghujung 1967, satu lagi banjir besar atau Bah Merah melanda negeri Cik Siti Wan

Kembang ini dan meragut 38 nyawa dan kira-kira 537,000 atau 84 peratus penduduknya turut terjejas.

Mengikut penduduk setempat nama Bah Merah diberikan berikutan banjir yang luar biasa ini airnya berwarna kemerah-merahan kerana lumpur daripada bahagian hulu negeri ini.

Seorang warga emas, Yahya Hassan, 90, yang masih tidak dapat melupakan kejadian banjir besar pada 1926 menceitkan warna banjir bertukar daripada warna teh susu kepada merah kerana dipercayai ada bakul di bahagian hulu sungai runtuh dan mengakibatkan banjir lumpur.

Bellau yang berasal dari Kampung Sireh, di sini, berkata, disebabkan hujan tanpa henti itu, kebanyakan tanaman penduduk kampung termasuk sireh turut musnah.

"Bayangan di Bulatan Kijang (Jalan Hamzah), air naik hingga paras lutut.

Tempat itu dikira agak tinggi daripada tebing sungai. Masa itu, kawasan Masjid Jamek Muhammadi juga air telalu deras sehingga melepasi kepala.

"Kelantan ini, kalau dikira hampir setiap tahun air naik tetapi tidaklah begitu teruk seperti pada 1927 dan 1967. Pada masa itu, pakcik masih ingat memotong empat tin minyak tanah dan disambungkan dengan paku untuk dijadikan perahu.

"Masa itu masih kanak-kanak, memang seronok menaiki perahu tin itu mengelilingi kampung. Tidak takut pun dihanyutkan air deras," katanya ketika ditemui di rumahnya, di Kampung Kubur Kuda, di sini, semalam.

Bah Merah pada kedua-dua tahun itu turut merosakkan masjid tertua di Asia Tenggara, Masjid Kampung Laut yang mengakibatkan serambi serta beberapa bahagian masjid termasuk tiang dihanyutkan ke sungai.

Ketika banjir besar itu, imam tua Masjid

Pasir Pekan ketika itu, Allahyarham Wan Ahmad Wan Abdullah dikatakan terikat mimbar masjid hampir dihanyutkan arus.

Bellau dan beberapa orang lain berjaya menyelamatkannya dan mimbar itu dibawa pulang ke Masjid Pasir Pekan, Tumpat dan digunakan hingga sekarang. Pesara Keretapi Tanah Melayu Berhad (KTMB), Ibrahim Affandi Ahmad, 77, tidak dapat melupakan kejadian Bah Merah pada 1967 kerana kehilangan dua rakan sekerja.

"Apabila air naik di Bukit Panau, Tanah Merah, kereta api tidak boleh beroperasi. Lima rakan sekerja, semuanya pemandu kereta api menaiki bot dari Kuala Krai untuk ke rumah masing-masing di kuarters Tumpat.

"Sebab di Jambatan Sultan Yahya Petra, bot itu terbalak akibat terjerang tiang jambatan dan stertua penumpang hanyut, batin dan stertua penumpang hanyut,

LIHAT MUKA 2



PEGAWAI British (dari kiri) Mr Ferrier, Dr Taylor, Mr Kemp dan Mr Worham berdepan banjir besar di Kota Bharu pada 1927.



BAH Merah melanda Kota Bharu, Kelantan pada 23 Januari 1967.



KEAD-AN Bandar Kota Bharu ketika Bah Merah pada 1967.



BANJIR sekitar bandar di Kota Bharu, Kelantan pada 23 Januari 1967.

Ratusan rumah rakit hampir dihanyutkan arus Sungai Kelantan

B. H m/s 2 21.1.07

DARI MUKA 1

"Dua daripada lima rakan pakcik, Hassan Laut dan Muhamad Yatim meninggal dunia dan mayat mereka dijumpai keesokan harinya, masing-masing di Kampung Laut, Tumpat dan Kedai Buluh, Pantai Cahaya Bulan. Tiga lagi pandai berenang dan selamat," katanya yang ketika itu tinggal di kuarters kakitangan KTMB Tumpat.

Bagi ratusan penghuni rumah rakit pula di sepanjang Sungai Kelantan, pengalaman menghadapi Bah Merah pada 1967 paling mencemaskan kerana berdepan dengan arus deras, ribut dan angin kencang.

Surirumah, Mek Som Ali, 68, berkata dia masih ingat arwah ibunya, Wan Mah, hampir setiap masa mengingatkannya supaya tidak keluar dari rumah kerana khuatir dihanyutkan air deras.

"Makcik masih ingat, arwah ibu sering pesan, jangan keluar rumah nanti jatuh dan mati. Memanglah, ketika itu, arus sungai terlalu deras sehingga berombak-ombak seperti di tengah laut.

"Orang dulu lain, kita sudah siap

sedia setiap kali musim tengkujuh, bekalan makanan seperti beras sudah disimpan awal-awal. Jadi, tiada masalah.

"Bagi penghuni rumah rakit ini tiada masalah kerana rumah kami akan turut naik mengikut pergerakan air kerana diikat dengan buluh di bahagian bawah dan diikat dengan empat tali besar di pokok yang ada di tebing sungai," katanya, di sini.

Mek Som berkata, jiran yang tinggal di tebing sungai, ada yang terpaksa menumpang di rumah saudara mara kerana ketika itu tiada pusat pemindahan banjir seperti sekarang.

Pada 2004, banjir besar turut melanda Kelantan dengan menyaksikan seluruh bandar Kota Bharu dan beberapa jajahan termasuk Gua Musang dan Kuala Krai dinaiki air setinggi lebih dua meter.

Banjir itu turut meragut 12 nyawa dan 11,000 penduduk terpaksa dipindahkan ke pusat pemindahan yang disediakan kerajaan.

Rentetan kejadian bah besar yang kerap melanda itu menyebabkan bencana banjir musim tengkujuh sering dikaitkan dengan Negeri Tanah Serendah Sekebun Bunga ini.